

Headline	Jumlah pesakit HIV turun mendadak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Dec 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	17	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	127 cm ²
Journalist	Siti Rohana Idris	AdValue	RM 2,219
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,657



Jumlah pesakit HIV turun mendadak

» *Bilangan penghidap dirawat di HRPZII berkurangan sekali ganda*

Oleh Siti Rohana Idris
 ▸ Kota Bharu

Jumlah pesakit HIV menerima rawatan di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) di sini, berkurangan sekali ganda, iaitu 1,380 orang pada tahun ini berbanding 2,761 pada tahun lalu.

Pengarah HRPZII, Datuk Dr Ghazali Hasni Md Hassan, berkata bilangan pesakit baru yang mendaftar di hospital itu juga berkurangan daripada 389 pada 2012 kepada 154 pada tahun ini.

Beliau berkata, penurunan secara drastik itu disebabkan masyarakat semakin peka dengan cara jangkitan virus berkenaan dan pesakit juga menjaga persekitarannya dengan mengelakkan virus di badannya dijangkiti orang lain.

Jenis rawatan

Katanya, semua pesakit yang mendaftar itu menerima rawatan Terapi Antiretroviral Sangat Aktif (HAART) berikutan antibodi yang dipanggil CD4 berkurangan dalam darah mereka.

“Tahun lalu, purata seorang pesakit menerima rawatan sehari dan ia berbeza tahun ini apabila seorang pesakit menerima rawatan bagi setiap dua hari,” katanya selepas merasmikan sambutan ‘Hari HIV/AIDS’ Sedunia di pekaraangan HRPZII di sini, semalam.

Sementara itu, Dr Ghazali berkata, majoriti penghidap HIV wanita di negeri ini memperoleh virus itu melalui hubungan intim bersama pasangan, manakala bagi lelaki pula menerusi perkongsian jarum suntikan.